

## **Kekerapan pemilihan dan penggunaan bahasa ibunda etnik India dalam kalangan anak-anak perkahwinan campur etnik India-etnik tempatan Sabah**

### **ABSTRAK**

Kertas kerja kajian ini ingin melihat kepada kekerapan pemilihan dan penggunaan bahasa ibunda etnik India dalam kalangan anak-anak perkahwinan campur etnik India-etnik tempatan Sabah. Berpandukan kaedah kualitatif dengan bersandarkan disiplin ilmu sosiolinguistik, kajian ini cuba melihat kekerapan pemilihan dan penggunaan bahasa ibunda etnik India dalam kalangan anak-anak perkahwinan campur etnik India-etnik tempatan Sabah berdasarkan beberapa domain tertentu. Antara domain tersebut ialah domain di rumah, domain di kampung halaman, domain persahabatan dan jiran, domain di sekolah dan tempat kerja, domain di tempat awam dan domain di tempat beribadah. Bukan itu sahaja, melalui domain-domain yang telah ditetapkan, analisis dapatan kajian akan meneliti pemilihan dan penggunaan bahasa etnik India dalam kalangan anak-anak perkahwinan campur etnik India-etnik tempatan Sabah dengan dibahagikan kepada tiga kekerapan iaitu kerap, kadang-kadang dan tidak pernah. Penelitian secara mendalam terhadap kekerapan pemilihan dan penggunaan bahasa ibunda etnik India dalam kalangan anak-anak perkahwinan campur etnik India-etnik tempatan Sabah adalah penting kerana berhubung kait dengan jati diri serta identiti semasa masyarakat India di Sabah.